



KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN NILAI

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar di bawah kod bidang 020801 – Pakaian atau/dan 020899 – atau/dan Pembuat, 222401 – Menjahit Pakaian dan Kelengkapan dengan **Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera serta beralamat di Negeri Sembilan sahaja** bagi Perkhidmatan Mengukur dan Membekal Coverall dan Vest Keselamatan bagi Pekerja Awam dan Ranjer Majlis Perbandaran Nilai Tahun 2019.

BIL	KOD BIDANG	RUJUKAN SEBUTHARGA	TAJUK TAWARAN	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA
1.	020801 / 222401 / 020899	Q/12/2019 (JKP)	PERKHIDMATAN MENGUKUR DAN MEMBEKAL COVERALL DAN VEST KESELAMATAN BAGI PEKERJA AWAM DAN RANJER MAJLIS PERBANDARAN NILAI TAHUN 2019	RM50.00

2. Dokumen sebutharga mula dijual pada **25/03/2019 hingga 1/04/2019** pada waktu pejabat di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Nilai, No. 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai, Peti Surat No.52, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Dokumen Sebutharga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

3. Bayaran Dokumen Sebutharga boleh dibuat secara Tunai, Kiriman Wang, Wang Pos dan Bank Draf atas nama **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN NILAI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS. Wang ini tidak akan dikembalikan.**

4. Syarikat hendaklah membawa salinan sijil-sijil berikut yang masih **SAH** tempohnya untuk semakan dan simpanan pihak Majlis semasa pembelian dokumen Sebutharga:

- a) **SIJIL ASAL AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA;**
- b) **SIJIL ASAL AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA;**
- c) **SIJIL ASAL PENDAFTARAN dengan SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**

5. Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah **sembilan puluh (90) hari** selepas tarikh tutup tawaran.

6. Sebutharga ini ditutup pada **1/04/2019** bersamaan hari **Isnin**. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Jabatan Khidmat Pengurusan**, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Nilai, No. 1 Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai, Peti Surat No.52, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus pada hari tersebut sebelum jam **12.00 tengahari**. No. Rujukan Sebutharga hendaklah Ditulis Dibahagian Kanan Sebelah Atas Sampul Surat.

DATO HJ. ZAZALI BIN SALEHUDIN
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Nilai